BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 03/14/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Isnin, 31 Mac 2014

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Februari 2014

Keadaan Harga: Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.5% pada bulan Februari (Januari: 3.4%). Peningkatan inflasi pada bulan itu didorong terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* (Februari: 3.5%; Januari: 3.2%) disebabkan oleh kadar sewa yang lebih tinggi, terutamanya bagi rumah kediaman. Sebaliknya, kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* mencatat inflasi yang lebih rendah pada bulan itu (Februari: 3.8%; Januari: 4.2%). Subkategori *ikan dan makanan laut* dan *sayur-sayuran* mencatat inflasi lebih rendah disebabkan oleh keadaan bekalan yang bertambah baik selepas musim tengkujuh, yang telah lebih daripada mengimbangi inflasi yang lebih tinggi dalam subkategori *daging*.

Keadaan Monetari: Kadar antara bank adalah stabil pada bulan Februari. Bank Negara Malaysia telah mengurangkan tempoh maksimum bagi operasi Lelongan Julat Tempoh Matang (Range Maturity Auction, RMA) daripada tiga bulan kepada dua bulan. Tempoh matang yang lebih pendek ini membolehkan lebihan mudah tunai bank yang disimpan di Bank Negara Malaysia matang dalam masa yang lebih kerap, dengan itu memastikan mudah tunai boleh dikeluarkan semasa tempoh dijangka berlaku aliran keluar modal. Meskipun simpanan antara bank stabil berbanding dengan bulan-bulan sebelumnya, ketiadaan urus niaga dengan Bank Negara Malaysia bagi tempoh matang tiga bulan telah menyebabkan kadar antara bank 3 bulan purata meningkat. Dari segi kadar pinjaman runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%. Kadar deposit runcit juga secara relatif stabil dalam tempoh tersebut. Nisbah pembiayaan-deposit meningkat manakala pertumbuhan deposit menjadi sederhana dalam keadaan peningkatan kredit yang secara relatif stabil. Walau bagaimanapun, mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih

daripada mencukupi. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta meningkat pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 9.9% pada bulan Februari, disebabkan oleh pertumbuhan sederhana pinjaman sistem perbankan terkumpul dan terbitan bersih sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menjadi sederhana disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih rendah kepada sektor *pembinaan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; perkilangan;* dan *pendidikan, kesihatan dan lain-lain*. Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul stabil pada bulan Februari. Permintaan pinjaman secara keseluruhan mampan dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi daripada sektor perniagaan. Pada asas tahunan, pertumbuhan wang secara luas atau M3 menjadi sederhana kepada 6.1% pada bulan Februari. Pengembangan M3 disebabkan terutamanya oleh pemberian kredit kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Walau bagaimanapun, peningkatan M3 ini telah diimbangi sebahagiannya oleh penyusutan dalam aset asing bersih berikutan aliran keluar perdagangan dan kewangan bersih pada bulan itu.

Sistem Perbankan: Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Nisbah Modal Kumpuan 1 dan Nisbah Jumlah Modal masing-masing pada 12.1%, 12.8% dan 14.4%. Pinjaman terjejas bersih kekal pada 1.3% daripada pinjaman bersih, manakala perlindungan kerugian pinjaman melebihi 100%.

Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan Februari, ringgit dan kebanyakan mata wang serantau lain menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) susulan jangkaan pengurangan skala intervensi monetari oleh Federal Reserve AS secara yang lebih beransur-ansur. Pengumuman data ekonomi Malaysia yang positif turut menyumbang kepada minat yang timbul kembali terhadap pasaran kewangan domestik. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia yang lain. Walau bagaimanapun, antara 1 hingga 17 Mac, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang kebanyakan rakan perdagangan utama Malaysia. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM424.2 bilion (bersamaan dengan USD129.6 bilion) pada 14 Mac 2014. Jumlah ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 3.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Bank Negara Malaysia
31 Mac 2014

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Inflasi meningkat pada bulan Februari

Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi: Sumbangan Mengikut Komponen



* Lain-lain termasuk *restoran dan hotel; perkhidmatan rekreasi dan hiburan; pendidikan; kesihatan; perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; komunikasi; pakaian dan kasut* dan *pelbagai barangan dan perkhidmatan.*

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar faedah pada amnya stabil

Kadar Antara Bank Semalaman Purata



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Antara Bank Purata



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Deposit Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman-Deposit dan Nisbah Pembiayaan-Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia



* Peminjaman Pasaran Wang (tidak termasuk repo) termasuk Peminjaman Langsung, Penerimaan Wadiah dan Program Komoditi Murabahah (CMP)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan wang secara luas (M3) menjadi sederhana pada bulan Februari

M1 dan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penyumbang Utama Pertumbuhan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sederhana pada bulan Februari

Pembiayaan Bersih dan Pertumbuhan Pinjaman



* Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Kasar



*Tidak termasuk terbitan asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Permohonan Pinjaman dengan Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan kualiti pinjaman stabil

Kekukuhan Modal



* Mulai bulan Januari 2013, komponen modal dilaporkan berdasarkan *Basel III Capital Adequacy Framework*.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman



* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan FRS139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.

[1] Merujuk kepada nisbah peruntukan jejas nilai individu dan kolektif kepada jumlah pinjaman terjejas.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Ringgit menambah nilai berbanding dengan rakan perdagangan utama pada bulan Februari

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama *



* Mata wang dalam indeks: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rizab Antarabangsa Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Dis 13		Jan 14		Feb 14	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM bil)	(%)	(RM bil)	(%)	(RM bil)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		115.8	9.4	126.9	13.1	120.9	9.0
M1		327.5	13.0	332.3	12.6	325.8	11.2
M2		1,444.9	8.4	1,450.7	7.2	1,447.4	6.6
M3		1,462.4	8.1	1,466.9	6.7	1,462.7	6.1
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih[1]		1,636.2	9.8	1,654.6	10.3	1,659.4	9.9
Nisbah pinjaman-deposit (%) [2]		84.6		85.5		85.5	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [2&3]		91.1		91.9		92.0	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		59.7	10.1	54.1	-14.8	57.3	8.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		33.1	20.4	28.4	-0.1	27.1	9.5
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		95.8	24.7	95.0	22.3	73.6	12.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		81.8	14.6	88.2	15.8	73.5	16.8
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah jumlah modal (%) [4]		14.4		14.3		14.4	
Nisbah modal kumpulan 1 (%) [4]		13.0		12.8		12.8	
Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (%) [4]		12.1		12.0		12.1	
Nisbah pinjaman terjejas bersih (%)		1.3		1.3		1.3	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		441.9		435.9		427.6	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		134.8		133.1		130.6	
Bilangan bulan import tertangguh		9.5		9.4		9.0	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.00		3.00		3.00	
Antara bank:	Semalaman	2.99 [2.98]		3.00 [2.99]		2.99 [2.98]	
	1 minggu	3.02 [3.01]		3.02 [3.01]		3.01 [3.01]	
	1 bulan	3.20 [3.09]		3.06 [3.07]		3.07 [3.07]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.91		2.91		2.91	
	3 bulan	2.97		2.97		2.97	
BLR bank perdagangan		6.53		6.53		6.53	
Kadar pinjaman purata berwajaran bank perdagangan		5.36		5.37		5.38	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2010=100)		108.9	3.2	109.5	3.4	109.8	3.5

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang sw asta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

[2] Tidak termasuk transaksi institusi kew angan.

[3] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang sw asta (PDS) oleh sistem perbankan kepada deposit sistem perbankan.

[4] Mulai bulan Januari 2013, komponen modal dilaporkan berdasarkan Rangka Kerja Kecukupan Modal Basel III.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia